

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR**

**KAWASAN : BATU GAJAH**

**NO. SOALAN : 243**

YB TUAN V. SIVAKUMAR [ BATU GAJAH ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah perdagangan Malaysia dengan negara China dan negara India dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan urusan perdagangan dengan dua kuasa ekonomi yang besar di rantau ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini, jumlah perdagangan antara Malaysia dan China menunjukkan pertumbuhan pada setiap tahun dengan kadar purata pertumbuhan sebanyak 7.24% setahun. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, perdagangan dengan China menyumbang 14.3% daripada jumlah keseluruhan perdagangan luar Malaysia pada tahun 2014.

Sejak 2009, China merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia dan destinasi kedua terbesar eksport negara serta sumber terbesar import bagi Malaysia sejak 2011. Di kalangan negara ASEAN, negara kita merupakan rakan perdagangan terbesar China sejak 2008.

Perdagangan dua hala antara kedua-dua negara terus meningkat sebanyak 41.8% dengan nilai dagangan sebanyak RM207.85 bilion pada tahun 2014 berbanding RM146.53 bilion pada tahun 2010. Jumlah eksport meningkat 15.3% daripada RM80.10 bilion pada 2010 kepada RM92.35 bilion pada 2014.

Eksport utama ke China pada tahun 2014 adalah produk elektronik dan elektrik, iaitu 46.6% daripada jumlah eksport, kimia dan bahan kimia (10.4%), minyak sawit (8.3%), produk petroleum (7.1%) dan produk getah (4.1%). Manakala import utama dari China adalah produk elektrik dan elektronik (41.6%), jentera dan perkakasan (11.1%), barangan perkilangan logam(9.2%), kimia dan bahan kimia (7.5%), dan besi dan keluli (5.8%).

Bagi memastikan bahawa perdagangan dengan China terus berkembang, pelbagai langkah telah diambil, khususnya untuk meningkatkan eksport kita ke China. Di antara langkah-langkah yang diambil tersebut adalah:

- 1) Melaksanakan program-program kerjasama berbagai sektor di bawah Perjanjian Program Kerjasama Lima Tahun Ekonomi dan Perdagangan di antara kedua-dua negara untuk mencapai sasaran perdagangan dua hala sebanyak USD160 bilion menjelang tahun 2017. Di bawah Perjanjian tersebut, fokus diberi

kepada perkhidmatan dan barangan eksport yang bernilai tinggi dan berjumlah besar untuk dipromosikan di China seperti:

- i) sektor informasi, komunikasi dan teknologi;
- ii) perniagaan penyumberan luar (*business outsourcing*);
- iii) perkhidmatan berkaitan alam sekitar seperti pengurusan bahan buangan (*waste management*);
- iv) francais;
- v) produk makan diproses; dan
- vi) perabot bernilai tinggi

II) Mempergiatkan promosi dan penjenamaan di bandar-bandar China *tier 2* dan 3 dengan mensasarkan golongan pertengahan yang semakin bertambah di China. Contoh bandar yang mempunyai potensi tersebut adalah Qingdao, Dalian, Kunming, Chengdu, Henan dan Nanning. Fokus akan diberikan kepada produk seperti produk gaya hidup, makanan diproses, francais, perkhidmatan pendidikan dan kesihatan.

III) Memanfaatkan landasan *e-Commerce* untuk meningkatkan eksport produk makanan diproses, produk gaya hidup & produk kesihatan serta memanfaatkan media sosial untuk tujuan publisiti dan meningkatkan kesedaran terhadap jenama-jenama Malaysia.

IV) Meningkatkan program promosi produk dan perkhidmatan Malaysia melalui kerjasama dengan pelabur-pelabur dari Malaysia di China seperti *Parkson* dan *Shangri-la Hotel* di China.

- V) Meningkatkan perolehan produk Malaysia dengan menganjurkan aktiviti promosi melalui rantaian runcit China seperti:
- i) *7-Eleven*;
  - ii) *Beijing Hualian*;
  - iii) *Pasaraya Lianhua*;
  - iv) *City Shop*;
  - v) *Chongqing Supermarket Dept. Store*; dan
  - vi) *Chengdu Hongqi*
- VI) Memanfaatkan peluang mempromosi dan mengeksport barangan dan perkhidmatan Malaysia melalui Perjanjian Perdagangan Bebas China-ASEAN (CAFTA).
- VII) Memperhebatkan misi belian dari syarikat-syarikat China ke Malaysia, khususnya semasa pameran-pameran MIHAS dan INTRADE yang dianjurkan oleh MATRADE
- VIII) Menjenamakan Malaysia melalui Program Dapur Malaysia (Malaysia Kitchen Programme).
- IX) Meningkatkan promosi produk-produk dan perkhidmatan Malaysia melalui pameran-pameran utama di China seperti "Canton Fair", SIAL China dan Pameran Perdagangan China-ASEAN (CAEXPO).

Untuk makluman Yang Dipertua,

Bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini, jumlah perdagangan antara Malaysia dan India menunjukkan pertumbuhan pada setiap tahun

dengan kadar purata pertumbuhan sebanyak 12.46% setahun. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, perdagangan dengan India menyumbang sebanyak 3.1% daripada jumlah keseluruhan perdagangan luar Malaysia pada tahun 2014.

Pada tahun 2014, India adalah rakan perdagangan Malaysia yang ke-11 terbesar dan merupakan rakan dagang Malaysia yang paling utama di kalangan negara-negara Asia Selatan sejak tahun 1998. Manakala, Malaysia adalah rakan perdagangan India yang ke-14 terbesar di kalangan semua rakan dagang utama India di seluruh dunia.

Perdagangan dua hala di antara Malaysia dan India terus meningkat sebanyak 36.6% dengan nilai dagangan sebanyak RM45.2 bilion pada tahun 2014 berbanding RM28.6 bilion pada tahun 2010. Jumlah eksport meningkat 31.9% daripada RM20.9 bilion pada tahun 2010 kepada RM31.9 bilion pada 2014. Manakala, jumlah import turut meningkat sebanyak 41.9% kepada RM13.3 billion pada tahun 2014 berbanding RM7.73 billion pada tahun 2010.

Bagi tempoh 2010 hingga 2014, jumlah terkumpul perdagangan Malaysia dengan negara India adalah sebanyak RM237.79 bilion dan daripada jumlah tersebut, RM161.78 bilion adalah jumlah eksport ke negara India dan RM76.01 bilion adalah merupakan jumlah import dari negara India.

Antara eksport utama Malaysia ke India adalah Minyak Sawit (24.3%), Petroleum Mentah (24.1%), Barangan Elektrik & Elektronik (13.2%), Kimia dan Bahan kimia (10.5%) dan Barangan Perkilangan Logam (7.8%).

Manakala, import utama Malaysia dari India adalah Keluaran Petroleum (24.8%), kimia dan bahan kimia (17.5%), Jentera, Perkakasan & Peralatan (6.3%), Barangan Perkilangan Logam (4.8%) dan Barangan Elektrik dan Elektronik (4.3%).

Di Sidang Kemuncak ASEAN yang ke-25 di Nay Phi Taw, Vietnam pada 12 November 2014 yang lalu, YAB Perdana Menteri dan Perdana Menteri India, Tuan Narendra Modi menzahirkan keyakinan bahawa Malaysia dan India mampu mencapai sasaran nilai perdagangan berjumlah RM50 billion menjelang 2015.

Tuan Yang Di Pertua

Kerajaan sentiasa mempergiatkan usaha untuk memastikan nilai perdagangan antara Malaysia dan India dapat ditingkatkan. Antara langkah-langkah penggalakan perdagangan yang telah dan akan dilaksanakan adalah:

- (i) Perjanjian Kerjasama Komprehensif Ekonomi Malaysia India yang telah ditandatangani pada 18 Februari 2011 dan berkuat kuasa pada 1 Julai 2011 berjaya meningkatkan nilai dagangan dua hala;
- (ii) Memanfaatkan peluang mempromosi dan mengeksport barangan dan perkhidmatan Malaysia melalui Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-India (AIFTA);
- (iii) Misi-misi pelaburan dan perdagangan ke luar negara terutamanya yang dianjurkan oleh agensi di bawah Kementerian ini seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan

- Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) untuk menarik peluang-peluang pelaburan yang baru; dan
- (iv) Penganjuran seminar, bengkel dan program-program berkaitan pelaburan yang berpotensi di dalam pelbagai sektor perkilangan dan perkhidmatan.